

Info

Tasputra Perkim

- Pusat jagaan harian kanak-kanak istimewa dan kurang upaya.

- Yuran percuma bagi golongan kurang berkemampuan, tetapi digalakkan membayar RM200 sebulan bagi menampung keperluan pusat berkenaan.

- Memberikan latihan fisioterapi, hipoterapi, akuaterapi, muzik, pertuturan dan snoezelen.

- Kanak-kanak berusia dua tahun ke atas boleh mendaftar.

- Pusat itu beroperasi dari jam 9 pagi hingga 5 petang setiap Isnin hingga Jumaat dan 9 pagi hingga 1 tengah hari pada Sabtu.

- **Lokasi:** Jalan Ampang Hilir 5, Kuala Lumpur.

- **Telefon:**



TERAPI muzik memberikan keyakinan kepada kanak-kanak istimewa.

▲ Oleh Halina Mohd Noor

halina@bharian.com.my

KANAK-KANAK istimewa mungkin kurang dari segi fizikal, tetapi masih memiliki perasaan seperti insan lain. Jangan singkir mereka daripada kehidupan anda kerana mereka juga boleh menjalani kehidupan biasa atau sekurang-kurangnya berdikari sekiranya diasuh atau mendapat latihan sewajarnya.

Tasputra Perkim antara pusat jagaan untuk kanak-kanak

B.H 25/10/08 M/S 4
membaiki bentuk dan keseimbangan badan serta membina tahap keyakinan diri yang tinggi di kalangan kanak-kanak. Misalnya menunggang kuda yang disediakan oleh Kelab Polo Diraja Selangor.

"Pusat jagaan harian ini juga mempunyai kolam renang yang digunakan bagi menjalankan program terapi air yang dilaksanakan dengan bantuan pakar fisioterapi serta kakitangan pusat bagi membantu meningkatkan tahap pergerakan kanak-kanak. Kanak-kanak dengan masalah

program snoezelen iaitu stimulasi deria seperti penglihatan, bau, sentuhan, rasa dan pendengaran melalui kombinasi unik seperti muzik, kesan lampu khas, urutan dan aromaterapi. Minyak essential digunakan setiap hari bagi melegakan kanak-kanak sama ada dari segi fizikal atau mental dalam keadaan persekitaran yang selamat dan setiap kanak-kanak disediakan program terapi snoezelen yang berbeza-beza mengikut keperluan

Kasih



Pusat jagaan kanak-kanak istimewa

Ada penghuni yang dikendalikan Tasputra Perkim berjaya lanjut pelajaran ke peringkat tinggi

mereka," katanya.

Elahe ditemui pada majlis meraikan kanak-kanak Tasputra Perkim di kafe aiskrim, Lecka-Lecka, baru-baru ini. Ia adalah acara tahunan yang dianjurkan Lecka-Lecka bagi menghiburkan kanak-kanak istimewa berkenaan.

Katanya, sebahagian besar kanak-kanak yang dihantar ke pusat berkenaan berasal daripada keluarga kurang berkemampuan dan mengalu-alukan ibu bapa yang ingin mendapatkan

oleh ibu bapanya. Dia hanya ditemui oleh pihak polis dan dihantar oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ke pusat ini. Kini Amin belajar muzik di England. Ini membuktikan kanak-kanak istimewa ini tetap boleh dilipat kebolehan mereka walaupun mereka kurang dari segi fizikal," katanya.

Beliau berkata, Tasputra Perkim membelanjakan kira-kira RM32,000 sebulan bagi keseluruhan kos pengurusan termasuk gaji pekerja dan keperluan

istimewa yang menawarkan pelbagai program dan kemudahan untuk kanak-kanak istimewa ini. Ditubuhkan pada November 1987 oleh Kathleen Muna Othman hasil sumbangan dana bernilai RM10,000 daripada Allahyarham Tunku Abdul Rahman, RM50,000 daripada Tun Dr Siti Hasmah dan ahli Badan Amal serta Kebajikan Isteri-isteri Menteri (Bakti), ia mula beroperasi dengan pengambilan pertama kanak-kanak istimewa pada 4 Julai 1988.

Tasputra Perkim yang terletak di Ampang Hilir menawarkan program merangkumi fizikal dan mental untuk kanak-kanak yang mengalami pelbagai masalah seperti fizikal, visual dan kecacatan mental. Antaranya seperti sindrom Down, serebral palsy dan sebagainya. Pusat ini memberikan sinar dan harapan untuk masa depan kanak-kanak kurang upaya dan kini terdapat 52 pelajar berusia daripada dua hingga 23 tahun di pusat jagaan yang beroperasi sebagai pusat harian itu.

Pengerusinya, Elahe Norman, 52, berkata antara program yang disediakan bagi mendidik dan melatih kanak-kanak istimewa berdikari adalah fisioterapi, hipoterapi, terapi air, terapi muzik, terapi ucapan dan snoozelen.

"Sesi bagi fisioterapi diadakan setiap hari bagi memperbaiki aktiviti fizikal dan fungsi anggota badan kanak-kanak istimewa. Rawatan hipoterapi pula adalah aktiviti luar yang diadakan bagi

Kanak-kanak mengemari air dan ini adalah antara cara untuk memberi peluang kepada mereka bersenam," katanya.

Terdapat juga terapi muzik bagi membantu kanak-kanak mengembangkan kemahiran mereka. Terapi muzik terbukti sebagai satu cara meyakinkan kanak-kanak kerana kebanyakan kanak-kanak mengemari alunan muzik. Antara peralatan yang digunakan seperti gendang dan pelbagai alat muzik lain.

Terapi ucapan pula membantu kanak-kanak untuk fokus dan memahami beberapa arahan mudah yang dikeluarkan oleh kakitangan di pusat itu. Bagaimanapun, sesi terapi itu kini tidak dijalankan berikutan tiada kanak-kanak yang perlu melalui sesi terapi itu.

"Tasputra Perkim juga adalah pusat jagaan harian yang pertama di negara ini menawarkan



Sebahagian besar kanak-kanak yang dihantar ke pusat berkenaan berasal daripada keluarga kurang berkemampuan"

Elahe Norman
Pengerusi Tasputra Perkim



Akuaterapi membolehkan kanak-kanak di Tasputra Perkim bersenam sambil meningkatkan keupayaan pergerakan mereka.

khidmat wawasan mengenai rawatan mereka dan memastikan anak mereka terus dihantar ke pusat jagaan itu supaya usaha pemulihan tidak terganggu.

"Pada masa ini kita mempunyai kakitangan dan sukarelawan yang juga adalah ibu bapa sendiri. Kami mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain dan melayan setiap kanak-kanak seperti anak sendiri. Kanak-kanak yang dihantar ke sini mempunyai peluang menikmati rawatan secara percuma di hospital seperti Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Hospital Kuala Lumpur dan kita juga bekerjasama dengan klinik persendirian di Taman Melawati.

"Kanak-kanak paling tua yang pernah dihantar ke sini ialah Amin Shariff yang kini berusia 23 tahun. Dia mengalami kecacatan penglihatan dan dibuang

kanak-kanak istimewa, selain pelbagai perbelanjaan meningkatkan kemudahan pusat itu.

"Pusat jagaan ini mendapat sumbangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat setiap tahun untuk menampung perbelanjaan, tetapi jumlah itu tidak mencukupi. Sekiranya ada pihak atau badan bukan kerajaan yang ingin membantu, saya mengalu-alukan sumbangan semua pihak. Bagaimanapun, bagi ibu bapa yang berkemampuan mereka boleh membayar yuran komitmen sebanyak RM200," katanya.

Orang ramai yang berminat untuk memberikan sumbangan kepada Tasputra Perkim boleh berbuat demikian dengan membuat bayaran cek berpaling kepada Tasputra Perkim dan hantar kepada 3498, Jalan Ampang Hilir 5, 55000 Kuala Lumpur.



IBU BAPA juga sukarelawan Tasputra Perkim melayan kanak-kanak istimewa pada majlis dianjurkan Lecka-Lecka, baru-baru ini.



Fisioterapi meningkatkan fungsi fizikal dan tubuh kanak-kanak.



Hippoterapi dengan menunggang kuda membetulkan kedudukan bentuk dan keseimbangan tubuh.